

Kuala Lumpur

Kuasa pusaran ikut kuantiti air

Jumlah kuantiti air yang banyak menjadi faktor arus pusaran tinggi sehingga memerangkap enam pegawai serta anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Lombong Taman Putra Perdana, Puchong, kelmarin.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, kuasa pusaran air sememangnya dipengaruhi oleh kuantiti air terutama jika membabitkan ketinggian berbeza.

“Air yang turun dari suatu ketinggian ke permukaan lebih rendah mengalami peningkatan kuasa kinetik, tambahan pula kejadian itu terjadi ketika hujan lebat dan kuantiti air bertambah daripada paras normal.

“Kebiasaannya, mangsa bergelut dan terperangkap dalam pusaran berkenaan dan sukar untuk melepaskan diri atau terapung apatah lagi dalam keadaan gelap,” katanya ketika

dihubungi Harian Metro, semalam.

Azizan berkata, jika dilengkapi dengan sut menyelam pun akan menghadapi kesukaran memandangkan kuasa pusaran itu memerangkap mangsa.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Mohd Yusoff Ishak berkata, sifat semula jadi air memang akan bergulung jika jatuh di ketinggian berbeza dan keadaan itu mewujudkan pusaran.

“Jika lihat permukaan air, sukar untuk kita jangkakan wujud pusara kuat melainkan menggunakan kelengkapan teknologi terkini seperti sonar atau dron bawah air,” katanya.



Kuasa pusaran air sememangnya dipengaruhi oleh kuantiti air”

Dr Azizan

